



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN JUMAAT, 26 SEPTEMBER 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	YKN SALUR BANTUAN KEPADA MANGSA BENCANA DI SABAH		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/ykn-salur-bantuan-kepada-mangsa-bencana-di-sabah	BERITA.RTM.GOV.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1450398/sokongan-pasca-banjir-penting-untuk-mangsa-bangkit-semulancy	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749523/berita/nasional/nancy-bantu-10-keluarga-mangsa-tanah-runtuh-di-papar	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/09/25/nancy-bantu-10-keluarga-mangsa-tanah-runtuh-di-papar/	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	https://malaysiatribune.news/berita-semasa/mangsa-tanah-runtuh-di-papar-terima-bantuan-skim-pemberian-ehsan/	MALAYSIATRIBUNE.NEWS	
	https://www.youtube.com/watch?v=UsHpDTkdpc	YOUTUBE	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	JKM NEGERI SEMBILAN SEDIA LEBIH 230 PPS HADAPI MTL		POSITIF
	https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/jkm-negeri-sembilan-sedia-lebih-230-pps-hadapi-mtl	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	BUDAK 7 TAHUN KRITIKAL DIPUKUL BAPA SAUDARA DENGAN TUKUL		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1450488/budak-7-tahun-kritikal-dipukul-bapa-saudara-dengan-tukul	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749590/berita/semasa/kanak-kanak-7-tahun-parah-dipukul-bapa-saudara-dengan-tukul	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



26/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.hmetro.com.my/utama/2025/09/1268163/budak-7-tahun-kritikal-bapa-saudara-pukul-dengan-tukul	HMETRO.COM.MY	
	https://harapandaily.com/2025/09/25/kejamnya-bapa-saudara-pukul-budak-7-tahun-dengan-tukul/	HARAPANDAILY.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	TUKANG MASAK DIDENDA, MENGAKU BUAT GANGGUAN SEKSUAL		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/terkini/2025/09/tukang-masak-didenda-mengaku-buat-gangguan-seksual/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1450234/vid-eo-tular-ajak-wanita-lakukan-hubungan-seks-tukang-masak-kena-denda	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/749502/berita/semasa/tukang-masak-didenda-rm6500-mengaku-salah-buat-gangguan-seksual	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.youtube.com/watch?v=YGx7Kmf_WiQ	YOUTUBE	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1267944/tukang-masak-didenda-rm6500-selepas-mengaku-salah-ajak-wanita-laku-hubungan	HMETRO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/tukang-masak-didenda-rm6500-mengaku-ajak-wanita-lakukan-hubungan-seks/	BULETINTV3.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



YKN salur bantuan kepada mangsa bencana di Sabah

Nasional - Dicipta: 25 September 2025 09:54 AM



Datuk Seri Nancy Shukri turut menziarahi dan menyampaikan bantuan kepada keluarga terlibat di Papar

PAPAR, 25 September - 10 keluarga mangsa tragedi tanah runtuh di Kampung Marahang dan Kampung Mook, Papar, menerima bantuan Skim Pemberian Ehsan Kepada Keluarga Mangsa Bencana (PEKA) daripada Yayasan Kebajikan Negara (YKN).

Bantuan disampaikan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri yang turut menziarahi keluarga terlibat, menzahirkan simpati dan keprihatinan kerajaan.

Menurut beliau, Jabatan Kebajikan Masyarakat berada di lokasi sejak awal bencana bagi menyalurkan bantuan segera.

Selain bantuan tunai PEKA, YKN turut mengagihkan bakul makanan dan barangan keperluan asas kepada keluarga terjejas.

Orang ramai dan pihak swasta juga dialu-alukan untuk menyalurkan sumbangan, dengan layak menerima resit pengecualian cukai.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKM Negeri Sembilan sedia lebih 230 PPS hadapi MTL

Nasional - Dicipta: 25 September 2025 05:34 PM



FOTO RTM

SEREMBAN, 25 September- Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan bersiap siaga menghadapi Monsun Timur Laut (MTL) yang dijangka bermula awal November ini dengan mengenal pasti sebanyak 239 pusat pemindahan sementara (PPS) di seluruh negeri.

Pengarahnya, Muhammad Yusry Che Dah berkata, jumlah PPS tersebut mampu menampung sehingga 68,933 penduduk terjejas dalam satu masa khususnya di lokasi kerap berlaku banjir.

"Apabila penduduk terjejas (banjir) tiba di PPS, kita akan menyediakan makanan serta kit keperluan asas.

"Selain itu, aktiviti bimbingan dan kaunseling juga diadakan bersama mereka termasuk kanak-kanak bagi mengurangkan tekanan emosi sepanjang berada di pusat pemindahan," katanya ketika ditemui di Kompleks Penyiaran Tuanku Muhammad di sini hari ini.

Beliau menambah, bagi memperkukuh tahap kesiapsiagaan, latihan simulasi bencana melibatkan pelbagai agensi akan diadakan pada pertengahan Oktober ini.

Muhammad Yusry optimis persediaan rapi yang dilaksanakan akan memastikan sebarang cabaran ketika bencana dapat ditangani dengan lebih tersusun demi kebajikan penduduk terjejas.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Budak 7 tahun kritikal dipukul bapa saudara dengan tukul

Oleh **Nor Amalina Alias** - September 25, 2025 @ 10:01pm




Foto hiasan.

BACHOK: Seorang kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun parah dipercayai dipukul dengan tukul oleh bapa saudaranya di Jalan Kedai Jelawat, di sini, petang tadi.

Timbalan Ketua Polis Daerah Bachok, Deputy Superintendan Mohd Azrie Sulaiman, berkata polis menerima laporan berhubung kejadian jam 5.15 itu yang berlaku di rumah kedai milik suspek.

"Mangsa dipercayai dipukul di bahagian kepala dengan tukul.

"Keadaan mangsa sangat kritikal," katanya ketika dihubungi.

Mangsa dikejarkan ke Hospital Pakar Universiti Sains Malaysia (HPUSM) untuk mendapatkan rawatan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Tukang masak didenda, mengaku buat gangguan seksual



MUHAMMAD Amirulhakim Suhaimi (kiri) diiringi oleh seorang anggota polis ketika tiba di Mahkamah Majistret Balik Pulau, Pulau Pinang hari ini. -UTUSAN/DANIAL SAAD

Oleh SAFRINA RAMLI 25 September 2025, 1:37 pm

BALIK PULAU : Seorang tukang masak didenda RM6,500 selepas mengaku bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas pertuduhan mengajak seorang wanita melakukan hubungan seks, pada 19 September lalu.

Tertuduh, Muhammad Amirulhakim Suhaimi, 30, membuat pengakuan itu selepas jurubahasa membacakan pertuduhan terhadapnya di hadapan Majistret Chia Huey Ting.

Selain mengenakan denda, mahkamah turut memutuskan bahawa tertuduh boleh dikenakan hukuman penjara selama 10 bulan jika dia gagal membayar denda tersebut.

Mengikut pertuduhan, tertuduh dengan maksud hendak mengaibkan kehormatan seorang wanita berusia 20 tahun, telah mengajaknya melakukan hubungan seks dan dengan itu telah mengganggu kesantunannya.

Perbuatan tersebut didakwa dilakukan pada 19 September lalu, kira-kira pukul 9.30 pagi di dalam sebuah kedai di Commercial Square, Jalan Dato Ismail Hashim, di Bayan Lepas.

Pertuduhan terhadapnya dibuat mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Ketika prosiding, Timbalan Pendakwa Raya, R. Lushani memohon agar tertuduh dikenakan hukuman yang setimpal dan berbentuk pengajaran memandangkan mangsa trauma dengan kejadian berkenaan.

Peguam daripada Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Chew Thiam Hui yang mewakili tertuduh bagaimanapun memohon agar mahkamah mengenakan denda yang ringan kepada lelaki tersebut memandangkan dia bekerja sebagai tukang masak dengan gaji lebih RM1,000 sahaja.

Sementara itu, dalam kes berasingan, Amirul turut mengaku bersalah atas pertuduhan melibatkan dadah jenis morfin di mana dia dituduh memberikan kepada diri sendiri dadah berbahaya jenis morfin di Pejabat Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya, pada 29 Ogos 2024.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 15 (1) Akta yang sama.

Mahkamah seterusnya mengarahkan supaya tertuduh didenda sebanyak RM1,500 dan jika gagal membayarnya, dia boleh dikenakan hukuman penjara selama tiga bulan. Difahamkan, tertuduh bagaimanapun gagal membayar denda bagi kedua-dua pertuduhan tersebut.

Menurut laporan media sebelum ini, lelaki tersebut ditahan polis di hadapan sebuah restoran nasi kandar Ahad lalu susulan penuluran rakaman video menunjukkan suspek cuba melakukan gangguan seksual terhadap seorang wanita di sebuah bangunan stor kedai mainan kanak-kanak di Bayan Lepas. - [UTUSAN](#)